

22 APR 1998
Sukma-Badminton
KUALA LUMPUR BOLOT EMAS BERPASUKAN

Oleh: Ahmad Shukran Shahrudin

SHAH ALAM, 22 April (Bernama) -- Pasukan Kuala Lumpur membolot kedua-dua emas acara badminton berpasukan lelaki dan wanita setelah menumpaskan musuh ketat mereka, Selangor di Dewan Persatuan Badminton Selangor (SBA) hari ini.

Pasukan lelaki Kuala Lumpur yang diperkuatkan oleh pemain-pemain skuad pelapis kebangsaan Ramesh Nathan, Mahathir Mustafa dan Yap Yen Jyen mengenakan strategi yang berlainan daripada biasa untuk menumpaskan Selangor 2-1.

"Saya mengarahkan supaya kedua-dua pemain perseorangan untuk mengutip mata kerana permainan pasangan beregu kita agak goyah dan kekuatan kita terletak pada perseorangan," kata jurulatih Kuala Lumpur, M. Krishna.

Beliau telah menurunkan Ramesh Nathan pada perseorangan pertama dan Yap Yen Jyen perseorangan kedua supaya Ramesh boleh mendapat rehat yang secukupnya untuk permainan beregu selepas itu.

Kuala Lumpur mengutip mata kemenangan apabila Yap yang menduduki ranking ke-49 IBF terpaksa bertarung hebat menumpaskan perseorangan kedua Selangor, Siew Yian Wai dengan tiga set 12-15, 15-10, 15-9.

Permainan beregu yang tidak akan mengubah sebarang keputusan dimenangi oleh Selangor apabila gandingan Chan Chong Ming-Yap Wee Ming menewaskan Ramesh Nathan-Mahathir Mustafa 15-7, 15-7.

"Strategi yang sama kami gunakan dalam berpasukan wanita di mana kami menurunkan Ng Mee Fen dalam perseorangan pertama," kata Krishna merujuk kepada situasi yang serupa di mana Mee Fen juga turut bermain dalam beregu.

Beliau juga mengarahkan pemain beregu supaya menyerang Lee Winnie yang keletihan setelah memenangi perseorangan kedua dan menyamakan kedudukan untuk Selangor.

Sebelum itu Pulau Pinang meraih gangsa berpasukan wanita menumpaskan Sarawak 3-0.

KEPUTUSAN:

Akhir:

Lelaki berpasukan.

Kuala Lumpur mn Selangor 2-1.

Ramesh Nathan mn Tan Soo Sen 15-4, 15-7; Yap Yen Jyen mn Siew Yian Wai 12-15, 15-10, 15-9; Ramesh Nathan/Mahathir Mustafa kk Chan Chong Ming/Yap Wee Ming 7-15, 7-15.

Wanita berpasukan.

Kuala Lumpur mn Selangor

Ng Mee Fen mn Wong Miew Kheng 12-10, 11-7, Woo Pui Kuan kk Lee Winnie 4-11, 6-11; Ng Mee Fen/V.Kavitha mn Lee Winnie/Chong Nga Fan 15-8, 15-10.

Tempat ketiga:

Wanita berpasukan.

Pulau Pinang mn Sarawak 3-0.

Chin Ee Hui mn Justina Annette 11-5, 11-1; Cindy Lim mn Andrea Chong 11-1, 11-5; Chin Ee Hui/Wong Siew Hong mn Ang Lee Ching/Andrea Chong 15-5, 15-7. -- BERNAMA

SHS ZB